



# Academic Journal

UiTM Johor

Volume 10

2011

ISSN 1675-9141

A Language Learning Journey through Learner Diaries

*Ikram Mahadzir,  
Kamalanathan M. Ramakrishnan  
Normah Ismail*

Relationship between Perceived Organizational Support and Organizational Commitment among Teachers in Private Primary Schools

*Mazida Ismail  
Muruga Chinniah  
Nani Shuhada Sehat*

Acceptance of Open Source Software Among UiTM Students: A Case Study of Diploma Level Computer Science Students in UiTM Johor

*Yusnita binti Sokman  
Ahmad Kamalulzaman Othman*

Peranan Kompetensi Peluang dan Struktur Organisasi Terhadap Prestasi PKS di Utara Malaysia

*Azizi Hj Halipah  
Syed Mazlan Syed Mat Dom*

Adolescent Instruction in the Esl Context: Situational Realism and Linguistic Realism in Material Selection

*S. Kunaratnam Sita ramam,  
Evelyn Sharminnie Vasuthavan*

Kesilapan Penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) Dan Kata Kerja Kala Kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِع) Dalam Pembinaan Ayat Bahasa Arab

*Abd Rahman Jamaan  
Farhana Idris  
Munirah Azrae*

Blogs as a Pedagogical Alternative to Language Teaching and Learning

*Alice Shanthi Kasawi @ Krisnan  
Xavier Thayalan*

Sensitivity on Stock Returns and Volatility: The Case Of Shari'ah-Compliant Securities in Bursa Malaysia

*Roslina Mohamad Shafi*

Bringing The Information To The User Through Library 2.0

*Al Bakri Mohammad  
Siti Nuur-Ila Mat Kama*

An Empirical Analysis of Trading Volume and Return Volatility in Using Garch Model : The Malaysia Case

*Tan Yan Ling  
Tay Bee Hoong*

The Use of Kinship Terms in Language Learning: A Perspective from Language Instructors

*Soo Kum Yoke, Carolyn  
Nor Haniza Hasan  
Derwina Daud*

The Gröbner Package in Maple and Computer Algebra System for Solving Multivariate Polynomial Equations

*Shamsatun Nahar Ahmad*

# **ACADEMIC JOURNAL UiTM JOHOR**

A Publication of  
Universiti Teknologi MARA, Johor

## **Advisor**

Assoc. Prof. Ahmad Nawawi Yaakob  
(Deputy Rector BPJJ, UiTM Johor)

## **Editor-in-Chief**

Ainol Hasanah Bin Jalaluddin  
(UPENA, Johor Coordinator)

## **Panel of Editors**

Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim - UiTM Johor  
Assoc. Prof. Dr. Teh Chee Seng - UTAR Perak  
Assoc. Prof. Che Zuina Ismail - UiTM Johor  
Dr. Hjh Naimah Abdullah - UiTM Malaysia  
Dr. Mohd Bahrain Othman - UiTM Malaysia  
Dr. Ting Su Hie - UNIMAS Sarawak  
Dr. V.G.R Chandran Govindaraju - UiTM Johor  
Dr. Lau Gee Choon - UiTM Johor  
Dr. Ahmad Azman Mohd Anuar - UiTM Johor  
Dr. Noormin Shah – UTM Skudai  
Oswald Timothy Edward - UiTM Johor  
S. Kunaratnam Sita Raman - UiTM Johor  
Kamalanathan Ramakrishnan - UiTM Johor  
Soo Kum Yoke - UiTM Johor

## **Committee of Academic Publication UPENA, UiTM Johor**

### **Advisor**

Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

### **Head**

S. Kunaratnam Sita Raman

### **Committee Members**

Roslina Muhamad Shafi  
Kamalanathan Ramakrishnan  
Carolyn Soo Kum Yoke  
Evelyn Sharminnie Vasuthavan  
Derwina Daud

## KESILAPAN PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA (الضَّمِير) DAN KATA KERJA KALA KINI (الفِعْلُ الْمُضَارِع) DALAM PEMBINAAN AYAT BAHASA ARAB

*Abd Rahman Jamaan  
Farhana Idris  
Munirah Azrae*

*Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi Mara  
Cawangan Johor Kampus Segamat*

### ABSTRAK

Kajian ini mendedahkan salah satu permasalahan pembelajaran Bahasa Arab. Secara khususnya aspek yang terlibat adalah penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) di kalangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab Komunikasi di UiTM. Kajian tertumpu kepada bidang struktur Bahasa Arab yang melibatkan aspek sintaksis. Kajian mengenalpasti punca kesilapan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) dalam pembinaan ayat Bahasa Arab yang dilakukan oleh pelajar. Seramai 150 orang pelajar peringkat Diploma dan Ijazah UiTM Johor terlibat sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan kesilapan penggunaan kedua-dua aspek dalam pembinaan ayat adalah kurang daripada 50 peratus daripada keseluruhan kajian. Pelajar memahami makna Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) tetapi mereka tidak pasti tentang penggunaannya di dalam ayat. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi satu gambaran jelas tentang permasalahan pembelajaran Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) khususnya dalam pembinaan ayat Bahasa Arab. Kajian juga mencadangkan kaedah-kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasinya.

### Pendahuluan

Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) memainkan peranan yang penting di dalam pembelajaran Bahasa Arab. Gandingan kedua-dua elemen ini selalu digunakan di dalam pembinaan ayat Bahasa Arab. Bertitik tolak daripada perkara ini, maka pengkaji bercadang untuk mengkaji permasalahan dalam bentuk kesilapan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) dalam pembinaan ayat Bahasa Arab di kalangan pelajar.

Kata Ganti Nama (الضَّمِير) diajar dan diperkenalkan kepada pelajar sejak awal pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Ini membuktikan peri pentingnya Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dalam pembelajaran asas Bahasa Arab oleh pelajar. Selari dengan kepentingannya, penggunaan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) juga dititikberatkan. Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) juga mempunyai berbagai-bagai fungsi terutamanya dalam pengolahan dan penggunaannya di dalam penulisan dan komunikasi. Kedua-dua elemen ini saling bergandingan antara satu sama lain terutama di dalam konteks pembinaan ayat. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa perlunya satu kajian khusus dalam perkara ini agar dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan pelajar dalam subjek Bahasa Arab, khususnya Bahasa Arab Komunikasi di UiTM.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian memfokuskan kepada dua aspek pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di UiTM iaitu aspek penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Kedua-dua aspek ini amat penting kerana penggunaannya yang meluas dalam komunikasi dan penulisan. Ia juga dianggap sebagai kayu ukur penguasaan Bahasa Arab pelajar. Kajian mengenalpasti kesilapan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) serta langkah-langkah untuk mengatasinya. Ia juga dapat membantu golongan pendidik untuk menyediakan kaedah yang menepati kehendak pembelajaran dan pengajaran agar mudah difahami oleh pelajar.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat untuk mencapai beberapa objektif. Antaranya ialah:

1. Untuk mengkaji kesilapan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) dalam aspek pembinaan ayat Bahasa Arab.
2. Untuk meletakkan garis panduan dan kaedah-kaedah penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) yang mudah digunakan oleh pelajar agar dapat dijadikan sandaran dalam pembinaan ayat Bahasa Arab yang betul dan lengkap.

### **Skop Kajian**

Kata Ganti Nama (الضَّمِير) yang menjadi skop kajian ialah 6 ganti nama yang utama di dalam pembinaan ayat Bahasa Arab iaitu أَنَا، أَنْتَ، أَنْتِ، هِيَ، هُوَ. Kata Kerja yang

menjadi skop kajian pula ialah Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) kerana kepelbagaian fungsinya dan penggunaannya yang meluas.

Pengkaji juga turut membincangkan elemen utama dalam struktur pembinaan ayat Bahasa Arab, serta hubungkait antara Kata Ganti Nama (الضمير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع).

### Kajian Terdahulu

Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Arab telah lama dilakukan oleh pengkaji-pengkaji untuk memperbaiki tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa tersebut. Kebanyakan kajian tertumpu kepada aspek tatabahasa kerana tatabahasa Bahasa Arab amat kompleks dan merupakan aspek yang menjadi tumpuan para pelajar di dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Manisah Mohd. Noor (2000) telah mengkaji penggunaan Kata Ganti Nama (الضمير) dalam karangan Bahasa Arab di dalam disertasi beliau di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.

Naimah Abdullah (2003) pula telah mengkaji dan menganalisis kesilapan sintaksis Bahasa Arab dan implikasinya ke atas makna di dalam tesis PhD beliau di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM. Analisis sintaksis merupakan analisis tatabahasa Bahasa Arab yang menyeluruh meliputi pelbagai aspek iaitu Kata Nama, Kata Kerja dan Huruf. Walau bagaimanapun beliau tidak mengaitkan penggunaan Kata Ganti Nama (الضمير) dan Kata Kerja secara khusus.

Ali Hin (2000) telah mengkaji kesilapan penggunaan Isim Ma'rifat di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di dalam disertasi beliau di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM. Kata Ganti Nama (الضمير) merupakan salah satu bahagian Isim Ma'rifat.

Sulaiman Haji Ismail (1997) pula mengkaji kesilapan frasa adjektif Bahasa Arab di kalangan pelajar melayu di dalam disertasi beliau di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM. Kaedah penyelidikan beliau boleh dijadikan panduan di dalam kajian ini kerana ia ada kaitan dengan pembinaan ayat.

Ab. Halim bin Mohamad (2002), menganalisis pembelajaran frasa Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di dalam tesis PhD beliau di Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM. Beliau juga telah mengkaji tentang frasa Bahasa Arab secara menyeluruh tetapi tidak menumpukan kepada Kata Ganti Nama (الضمير) dan Kata Kerja secara khusus.

### Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk lapangan dan menggunakan kaedah soal selidik dengan tujuan untuk mengenalpasti permasalahan yang timbul dari aspek penggunaan Kata Ganti

Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Tumpuan diberikan kepada pembinaan ayat Bahasa Arab.

Soalan kaji selidik diedarkan kepada para pelajar yang terlibat dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Para pelajar diberi soalan-soalan yang mengukur tahap kefahaman dan kebolehan mereka mengaplikasi Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Dalam soal selidik ini juga, pelajar diberikan ujian berbentuk pembinaan ayat yang menggunakan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). (Lihat lampiran)

### Kata Ganti Nama

Kata Ganti Nama (الضَّمِير) ialah sejenis Kata Nama yang berfungsi untuk menggantikan atau mewakili seseorang atau sesuatu. Contohnya: أَحْمَدُ يَرْحَمُ الْأَوْلَادَ maknanya: Ahmad menyayangi anak-anak. هُوَ يَرْحَمُهُمُ maknanya: Dia menyayanginya.

Pada contoh di atas perkataan أحمد diganti dengan Kata Ganti Nama هو (dia) manakala perkataan الأولاد (anak-anak) diganti dengan Kata Ganti Nama هم (mereka).

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa kajian ini hanya membincangkan 6 bentuk Kata Ganti Nama (الضَّمِير) sahaja iaitu أَنَا، أَنْتَ، أَنْتِ، هُوَ، هِيَ، هُمُ. Bahagian ini akan memperincikan konsep Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dalam Bahasa Arab dan hubungannya dengan Kata Nama dan Kata Kerja.

Formula menggabungkan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dengan Kata Nama dapat diaplikasikan dengan mengikut langkah-langkah berikut. Lihat jadual 1.

Jadual 1: Gabungan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Nama

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
كتاب + ي = كتابي	Bukuku
كتاب + نا = كتابنا	Buku kami
كتاب + ك = كتابك	Bukumu (lelaki)
كتاب + كِ = كتابكِ	Bukumu (perempuan)
كتاب + ه = كتابه	Bukunya (lelaki)
كتاب + هِ = كتابها	Bukunya (perempuan)

Perkataan 'buku' di dalam Bahasa Arab adalah 'كتاب', manakala imbuhan-imbuhan seperti 'ي', 'نا', 'ك', 'ك', 'ه', 'ها' di akhir perkataan 'كتاب' merupakan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) yang merujuk kepada ganti nama pemilik.

Dari segi masa perbuatan, Kata Kerja di dalam Bahasa Arab boleh dibahagikan kepada dua iaitu Kata Kerja Kala Kini الفعل المضارع dan Kata Kerja Kala Lampau الفعل الماضي.<sup>1</sup>

Penggunaan Kata Kerja Kala Kini atau Kata Kerja Kala Lampau akan mengalami perubahan bentuk bersesuaian jenis Kata Ganti Nama (الضَّمِير) daripada pelaku perbuatan itu. Formula menggabungkan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dengan Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) dapat diaplikasikan dengan mengikut langkah-langkah berikut. Lihat jadual 2.

Jadual 2: Gabungan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dengan  
Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع)

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
أ + ذهب = أذهب	Saya sedang pergi
ن + ذهب = نذهب	Kami sedang pergi
ت + ذهب = تذهب	Kamu (lelaki) sedang pergi
ت + ذهب + ين = تذهبين	Kamu (perempuan) sedang pergi
ي + ذهب = يذهب	Dia (lelaki) sedang pergi
ت + ذهب = تذهب	Dia (perempuan) sedang pergi

Jadual di atas menjelaskan bahawa Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) mesti dimulakan dengan salah satu daripada huruf-huruf berikut: أ، ن، ي dan ت. Huruf – huruf ini ditambah di bahagian awal bentuk permulaan Kata Kerja dan ianya merujuk kepada perubahan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) iaitu pelaku kepada perbuatan itu sendiri.

### Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع)

Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) adalah salah satu cabang Kata Kerja yang terdapat di dalam Bahasa Arab. Secara umumnya ia adalah kata kerja yang menerangkan tentang perbuatan yang berlaku pada kala kini atau kala depan.

<sup>1</sup> Kajian ini hanya memfokuskan pada Kata Kerja Kala Kini sahaja.

Penggunaannya yang salah akan mengakibatkan perubahan pada makna. Oleh itu ia perlu digunakan dengan betul agar menepati maksud yang ingin disampaikan.

Menurut Mustafa Al-Ghalayiniy di dalam bukunya bertajuk Jami' Al-Durus Al-'Arabiyyat(mukasurat 12) mengatakan bahawa Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) adalah kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada kala kini ataupun pada kala depan.

Derivasi Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) diambil daripada Kata Kerja Kala Lampau dengan penambahan satu huruf daripada huruf-huruf mudari' di awal perkataan. Huruf-huruf mudari' ada empat iaitu: Hamzah (الهِمَزَةُ), Nun (النُّونُ), Ta' (التَّاءُ) dan Ya' (الْيَاءُ). Huruf-huruf ini terletak di awal setiap Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Contohnya: أَذْهَبُ (saya sedang/akan pergi), يَذْهَبُ (kami sedang/akan pergi), تَذْهَبُ (awak sedang/akan pergi), يَذْهَبُ (dia lelaki sedang/akan pergi).

### Struktur Pembinaan Ayat Bahasa Arab

Secara umumnya, terdapat dua jenis ayat Bahasa Arab iaitu (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ) Ayat Nominal dan (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) Ayat Verbal.

#### 1. Ayat Nominal

Ayat Nominal adalah ayat yang bermula samada dengan Kata Nama (إِسْمٌ) atau Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ). Ayat ini terdiri daripada dua komponen iaitu (الْمُبْتَدَأُ) subjek dan (الْخَبَرُ) prediket. Subjek dalam Ayat Nominal adalah Kata Nama atau Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ), manakala prediketnya boleh dimulakan samada dengan Kata Nama, Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) ataupun Kata Kerja. Lihat jadual 3.

Jadual 3:Perincian jenis subjek dan prediket Ayat Nominal

Contoh Ayat Nominal	Subjek	Permulaan Prediket
مُحَمَّدٌ مُدْرَسٌ فِي الْمَدْرَسَةِ	مُحَمَّدٌ	مُدْرَسٌ فِي الْمَدْرَسَةِ
(Muhammad seorang guru di sekolah)	Kata Nama	Kata Nama
مُحَمَّدٌ هُوَ الْمُدْرَسُ	مُحَمَّدٌ	هُوَ الْمُدْرَسُ
(Muhammad adalah guru tersebut)	Kata Nama	Kata Ganti Nama
مُحَمَّدٌ يَذْهَبُ إِلَى الْفَصْلِ	مُحَمَّدٌ	يَذْهَبُ إِلَى الْفَصْلِ
(Muhammad pergi ke kelas)	Kata Nama	Kata Kerja
هُوَ مُدْرَسٌ فِي الْمَدْرَسَةِ	هُوَ	مُدْرَسٌ فِي الْمَدْرَسَةِ
(Dia seorang guru di sekolah)	Kata Ganti Nama	Kata Nama



هُوَ يَذْهَبُ إِلَى الْفَصْلِ	هُوَ	يَذْهَبُ إِلَى الْفَصْلِ
(Dia pergi ke kelas)	Kata Ganti Nama	Kata Kerja

## 2. Ayat Verbal

Ayat Verbal adalah ayat yang bermula dengan Kata Kerja. Subjek dalam Ayat Verbal ini adalah (فَاعِلٌ) atau 'pelaku' perbuatan dan prediketnya adalah Kata Kerja yang terdapat di dalam ayat. Kata Kerja di dalam Ayat Verbal adalah sama ada Kata Kerja Kala Kini (الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ) atau Kata Kerja Kala Lampau. Lihat jadual 4.

Jadual 4: Perincian jenis subjek dan prediket Ayat Verbal

Contoh Ayat Verbal	Subjek	Prediket
ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْفَصْلِ (Muhammad telah pergi ke kelas)	مُحَمَّدٌ Pelaku	ذَهَبَ Kata Kerja Kala Lampau
يَذْهَبُ مُحَمَّدٌ إِلَى الْفَصْلِ (Muhammad pergi ke kelas)	مُحَمَّدٌ Pelaku	يَذْهَبُ Kata Kerja Kala Kini

## Dapatan Kajian

Daripada 150 orang responden yang terlibat, 110 orang daripadanya adalah responden perempuan. Manakala jumlah responden lelaki adalah 40 orang. 101 orang responden adalah pelajar di peringkat Diploma, manakala 48 orang responden berada di peringkat Ijazah. Seorang responden telah tertinggal untuk menjawab soalan ini.

Bagi aspek pengalaman belajar Bahasa Arab pula, 121 orang responden pernah belajar Bahasa Arab. Baki 29 orang responden pula tidak pernah belajar Bahasa Arab. Bagi responden yang mempunyai pengalaman belajar Bahasa Arab, 59 orang daripadanya mempelajarinya di sekolah agama, 33 responden di sekolah rendah, 18 orang di sekolah menengah dan baki 12 orang mempelajarinya di tempat-tempat lain.

Kajian juga menunjukkan seramai 135 orang responden berminat untuk mempelajari Bahasa Arab, 14 orang responden tidak berminat manakala seorang responden tidak menjawab soalan ini.

### **Pemahaman Pelajar Terhadap Kata Ganti Nama (الضَّمِير), Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) Dan Pembinaan Ayat Bahasa Arab**

Sejumlah 73 orang responden (48.7%) sangat bersetuju bahawa mereka memahami makna Kata Ganti Nama (الضَّمِير). Diikuti 58 orang responden (38.7%) bersetuju, 17 orang responden (11.3%) tidak pasti dan 2 orang responden (1.3%) pula sangat tidak bersetuju. Untuk pengenalanpastian fungsi Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dalam ayat pula, 66 orang responden (44.0%) tidak pasti mengenainya. Diikuti 60 orang responden (40.0%) bersetuju, 17 orang responden (11.3%) sangat bersetuju, 5 orang responden (3.3%) tidak bersetuju manakala 2 orang responden (1.3%) pula sangat tidak bersetuju. Bagi pembinaan ayat ringkas menggunakan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) pula, sejumlah 77 orang responden (51.3%) bersetuju mengenainya. Diikuti 48 orang responden (32.0%) tidak pasti, 14 orang responden (9.3%) sangat bersetuju, 7 orang responden (4.7%) tidak bersetuju manakala 3 orang responden (2.0%) pula sangat tidak bersetuju. Seorang responden (0.7%) tidak menjawab soalan ini.

### **Pemahaman Pelajar Terhadap Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع)**

Sejumlah 69 orang responden (46.0%) bersetuju bahawa mereka memahami Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Diikuti 56 orang responden (37.3%) tidak pasti, 20 orang responden (13.3%) sangat bersetuju, 4 orang responden (2.7%) tidak bersetuju manakala seorang responden (0.7%) pula sangat tidak bersetuju. Untuk fungsi Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) dalam ayat pula, sejumlah 63 orang responden (42.0%) bersetuju bahawa mereka memahaminya. Jumlah yang sama iaitu 63 orang responden (42.0%) tidak pasti, 16 orang responden (10.7%) sangat bersetuju, 5 orang responden (3.3%) tidak bersetuju manakala 2 orang responden (2.0%) pula sangat tidak bersetuju. Seorang responden (0.7%) tidak menjawab soalan ini.

Sejumlah 67 orang responden (46.0%) bersetuju bahawa mereka memahami huruf penambahan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Diikuti 44 orang responden (29.3%) tidak pasti, 34 orang responden (22.7%) sangat bersetuju, 3 orang responden (2.0%) tidak bersetuju manakala 2 orang responden (1.3%) pula sangat tidak bersetuju. Untuk pengetahuan membina ayat ringkas menggunakan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) pula, 65 orang responden (43.3%) tidak pasti mengenainya. 63 orang responden (42.0%) bersetuju, 12 orang responden (8.0%) sangat bersetuju, 6 orang responden (4.0%) tidak bersetuju manakala 4 orang responden (2.7%) pula sangat tidak bersetuju.

### **Pemahaman Pelajar Terhadap Pembinaan Ayat Bahasa Arab**

Sejumlah 61 orang responden (40.7%) bersetuju bahawa mereka tahu membina ayat menggunakan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع). Diikuti 56 orang responden (37.3%) tidak pasti, 29 orang responden (19.3%) sangat

bersetuju, 3 orang responden (2.0%) tidak bersetuju manakala seorang responden (0.7%) pula sangat tidak bersetuju. Bagi pemahaman perubahan Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) oleh Kata Ganti Nama (الضمير) pula, sejumlah 69 orang responden (46.0%) tidak pasti mengenainya. Diikuti 57 orang responden (38.0%) bersetuju, 15 orang responden (10.0%) sangat bersetuju, 7 orang responden (4.7%) tidak bersetuju manakala seorang responden (0.7%) pula sangat tidak bersetuju dan seorang responden (0.7%) tidak menjawab soalan ini. Manakala seramai 71 orang responden (47.3%) tidak pasti bahawa mereka tahu menyesuaikan Kata Kerja Kala Kini (الفعل المضارع) dengan Kata Ganti Nama (الضمير). Diikuti 64 orang responden (42.7%) bersetuju, 11 orang responden (7.3%) sangat bersetuju, 2 orang responden (1.3%) tidak bersetuju dan jumlah yang sama iaitu 2 orang responden (1.3%) sangat tidak bersetuju.

### Aplikasi Kata Ganti Nama Dan Kata Kerja Kala Kini Oleh Pelajar

Jadual 5: Aplikasi Kata Ganti Nama Dan Kata Kerja Kala Kini Oleh Pelajar

	Peratus	
	Betul	Salah
1. Aplikasi Kata Ganti Nama هُوَ dan Kata Kerja Kala Kini		
i. Aplikasi Kata Kerja Kala Kini هُوَ	93.3	6.7
ii. Aplikasi Kata Ganti Nama هُوَ	80.7	19.3
iii. Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama هُوَ	82.7	17.3
2. Aplikasi Kata Ganti Nama هِيَ dan Kata Kerja Kala Kini		
i. Aplikasi Kata Kerja Kala Kini هِيَ	88.7	11.3
ii. Aplikasi Kata Ganti Nama هِيَ	76.0	24.0
iii. Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama هِيَ	58.7	41.3

---

### 3. Aplikasi Kata Ganti Nama أَنْتَ dan Kata Kerja Kala Kini

i.	Aplikasi Kata Kerja Kala Kini أَنْتَ	88.7	11.3
ii.	Aplikasi Kata Ganti Nama أَنْتَ	77.3	22.7
iii.	Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama أَنْتَ	68.0	32.0

---

### 4. Aplikasi Kata Ganti Nama أَنْتِ dan Kata Kerja Kala Kini

i.	Aplikasi Kata Kerja Kala Kini أَنْتِ	73.3	26.7
ii.	Aplikasi Kata Ganti Nama أَنْتِ	82.0	18.0
iii.	Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama أَنْتِ	58.0	42.0

---

### 5. Aplikasi Kata Ganti Nama أَنَا dan Kata Kerja Kala Kini

i.	Aplikasi Kata Kerja Kala Kini أَنَا	97.3	2.7
ii.	Aplikasi Kata Ganti Nama أَنَا	88.7	11.3
iii.	Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama أَنَا	77.3	22.7

---

### 6. Aplikasi Kata Ganti Nama نَحْنُ dan Kata Kerja Kala Kini

i.	Aplikasi Kata Kerja Kala Kini نَحْنُ	95.3	4.7
ii.	Aplikasi Kata Ganti Nama نَحْنُ	84.7	15.3
iii.	Aplikasi Penterjemahan Kata Ganti Nama نَحْنُ	74.0	26.0

---

## Kesimpulan dan Cadangan

Analisa kajian mendapati kesilapan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع) dalam pembinaan ayat adalah kurang daripada 50 peratus daripada keseluruhan kajian. Beberapa cadangan diberi berdasarkan pemerhatian terhadap dapatan kajian di atas. Antaranya:

1. Pensyarah perlu menunjukkan terus contoh penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِير) dalam ayat ketika menerangkan makna Kata Ganti Nama (الضَّمِير) tersebut serta mengurangkan penerangan makna Kata Ganti Nama (الضَّمِير) secara bersendirian sahaja.
2. Pensyarah juga perlu melatih pelajar membina ayat dengan memikirkan struktur ayat Bahasa Arab ketika ingin membina ayat.

### **BORANG SOAL SELIDIK PENGGUNAAN KATA GANTI NAMA DAN KATA KERJA DALAM PEMBINAAN AYAT BAHASA ARAB**

Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman pelajar-pelajar mengenai kata ganti nama dan kata kerja mudhari Bahasa Arab. Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik ini adalah rahsia. Hasil daripada soal selidik ini akan dapat membantu meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab khususnya di UiTM Johor.

**Bahagian A :** Latar belakang pelajar

**Arahan:** Tandakan (/) pada ruangan yang disediakan.

1. Jantina

Lelaki

Perempuan

2. Peringkat pengajian

Diploma

Ijazah

3. Adakah anda pernah mempelajari Bahasa Arab?

Ya

Tidak

4. Jika Ya, nyatakan peringkat pengajian anda.

Sekolah rendah

Sekolah menengah

Sekolah agama

Lain-lain

5. Adakah anda berminat untuk mempelajari Bahasa Arab di UiTM?

Ya

Tidak

6. Mengapa anda mempelajari Bahasa Arab di UITM

Minat

Terpaksa

Tiada pilihan lain

Mengikut kawan

**Bahagian B : Pemahaman Kata Ganti Nama dan Kata Kerja Mudhari'.**

**Arahan:** Soalan 1 – 10 mengandungi pernyataan-pernyataan tentang kata Ganti Nama dan Kata Kerja Mudhari'. Bulatkan jawapan yang anda pilih berdasarkan skala:

- 1- Sangat tidak setuju
- 2- Tidak setuju
- 3- Tidak pasti
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

	Pernyataan	Skala			
1	Saya memahami makna Kata Ganti Nama، أنا، نحن، أنت، أنت، هو، هي	1 5	2	3	4
2	Saya memahami makna Kata Kerja Mudhari'.	1 5	2	3	4
3	Saya memahami ayat-ayat ringkas yang mengandungi Kata Ganti Nama dan Kata Kerja Mudhari'.	1 5	2	3	4
4	Saya memahami fungsi dan penggunaan Kata Ganti Nama dalam sesuatu ayat.	1 5	2	3	4
5	Saya memahami fungsi dan penggunaan Kata Kerja Mudhari' dalam sesuatu ayat.	1 5	2	3	4
6	Saya tahu perubahan setiap Kata Kerja Mudhari' adalah disebabkan oleh perubahan Kata Ganti Nama.	1 5	2	3	4
7	Saya mengenali huruf- huruf penambahan (ا، ء) untuk Kata Kerja Mudhari'.	1 5	2	3	4

8	Saya tahu menyesuaikan Kata Kerja Mudhari' dengan Kata Ganti Namanya.	1 5	2	3	4
9	Saya tahu membina ayat-ayat ringkas menggunakan Kata Ganti Nama.	1 5	2	3	4
10	Saya tahu membina ayat-ayat ringkas menggunakan Kata Kerja Mudhari'.	1 5	2	3	4

### Bahagian C : Aplikasi pemahaman Kata Ganti Nama dan Kata Kerja Mudhari'.

**Arahan :** Jawab soalan I, II dan III.

- I. Isi Kata Kerja Mudhari' pada ruangan yang disediakan dengan menggunakan kata kerja di dalam kurungan .

1. هو — إلى الجامعة. (ذهب)

2. هي — الكتاب. (قرأ)

3. أنتَ — مع الأصدقاء. (درس)

4. أنتِ — الطعام. (أكل)

5. أنا — في الفصل. (جلس)

6. نحن — كرة القدم. (لعب)

- II. Keluarkan Kata Ganti Nama yang terdapat pada ayat-ayat berikut.

1. ماذا تشرب يا أحمد! —

2. أتناول الفطور مع أسرتي. —

3. فاطمة تكتب الرسالة. —

4. نركب السيارة في المساء. —

5. يا سلوى! لماذا تفتحين الباب؟ —

6. محمد يشاهد التلفيزيون. —

- III. Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam Bahasa Arab.

1. Dia (L) sedang pulang ke kampung.

2. Kamu (L) sedang masuk ke dalam kelas.
3. Saya sedang membeli pen.
4. Ibu sedang masak di dapur.
5. Kami sedang menolong pensyarah.
6. Kamu (P) sedang melakukan tugas di rumah.

Kami mengucapkan terima kasih atas kerjasama anda melengkapkan soal selidik ini.

Sekian.

3. Latihan membina ayat yang mempunyai Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) perlu diperbanyakkan untuk meningkatkan keyakinan pelajar.

4. Huraian tentang hubungkait antara Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) perlu diperbanyakkan. Pensyarah perlu menggunakan Ayat Nominal yang bermula dengan Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) dan pelengkapannya Ayat Verbal.

5. Soalan yang menggunakan Kata Ganti Nama أَنْتِ perlu diperbanyakkan.

6. Perbanyakkan latihan komunikasi berbentuk situasi di dalam kelas yang melibatkan 3 orang pelajar yang mewakili Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) diri pertama, kedua dan ketiga.

7. Selitkan penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) هِيَ apabila menerangkan tentang penggunaan Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) هُوَ serta perbanyakkan latihan dengan menukar-gantikan gender subjek.

8. Oleh sebab pelajar masih kurang keyakinan untuk menggunakan Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ) dan Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ), para pensyarah perlulah memberi galakan dan peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan melibatkan diri dalam aktiviti di dalam kelas.

## Rujukan

Al-Quran Al-Karim.



- 'Abbas Hasan (t.t). *Al-Nahwu Al-Wafi*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- 'Abduh Al-Rajih (1988). *Al-Tatbiq fi Ulum Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Nahdat Al-Arabiyyat.
- Abdullah Basmih (1980). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Al-A'la Al-Maududy (1998). *The Holy Quran* cet. ketiga. Pakistan: Lahore.
- Abu Hayyan Al-Andalusiy (t.t). *Al-Bahr Al-Muhit*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyat.
- Ahmad Hasyim (1409 H). *Mudhakkarat fi Al-Nahwi Wa Al-Sarf*. Madinah: Matabi' Al-Jami'at Al-Islamiyyat.
- Al-Khalil Al-Nahwi (1991). *Al-Mu'jam Al-Asasi Al-Muyassar*. Tunisia: Beta.
- Imil Badi' Ya'kub (1993). *Mu'jam Al-Auzan Al-Sarfiiyyah*. Beirut: Alim Al-Kutub.
- Ibn Al-Jinniy (1985). *Sir Sinaat Al-'Irab*, Tahqiq: Hasan Handawi. Beirut.
- Ibn Hisyam (1979). *Mughni Al-Labib*, Tahqiq: Mazin Al-Mubarak.
- Kamus Dewan (1994), cet. pertama, edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Ismail Al-Zauba'iy (1988). *Mu'jam Al-Jumlat Al-Quraniyyat*. Baghdad: Matba'ah Al-Ta'lim Al-Aliy.
- Mustafa Al-Ghalayiniy (1998). *Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat*, cet.35. Beirut: Al-Maktabat Al-Asriyyat.
- Samih 'Atif Al-Zein (1985). *Al-'Irab fi Al-Quran Al-Karim*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Lubnani.
- Stephen P.B (1996). *Principles of Questionnaire Construction*. E:/Principles of Questionnaire Design.htm [13 Mac 2007]
- Taufiq Saba' (1984). *Syarah Ibn 'Aqil Al Fiyyat Ibn Malik*, Riyad.